



## SIARAN MEDIA

### ARAHAH PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 18 HINGGA 31 MAC 2020

#### **“KAWALAN DIPERKETAT DI PASAR AWAM MPS”**

1. MPS telah memperketatkan kawalan dan menempatkan tambahan anggota di seluruh pasar-pasar awam milik MPS bagi memastikan peraturan-peraturan yang ditetapkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dipatuhi oleh pengunjung. Tindakan dibuat selepas didapati masyarakat masih mengambil ringan tentang bahaya wabak Covid 19 yang sedang melanda dan tidak mengamalkan jarak sosial semasa melakukan pembelian. MPS juga mendapati ada yang datang bersama keluarga ketika membuat urusan pembelian di pasar.
2. Anggota MPS telah melaksanakan pengambilan suhu dan penggunaan cecair disinfeksi kepada setiap pengunjung sebelum mereka dibenarkan masuk ke dalam pasar untuk melakukan pembelian. Untuk memudahkan kawalan, MPS hanya membuka satu akses kepada pengunjung dan melatukkan penanda di atas lantai untuk panduan jarak social (*Social Distancing*). Jumlah pengunjung yang dibenarkan masuk ke dalam pasar juga dihadkan dimana hanya 1 pengunjung untuk setiap keluarga dibenarkan melakukan pembelian dengan waktu terhad untuk mengelakkan kesesakan.
3. Untuk memastikan kebersihan tapak di pasar, pihak MPS juga telah melaksanakan kerja-kerja disinfeksi secara berkala. Setiap peniaga juga telah diminta untuk melakukan pembersihan di petak masing-masing menggunakan bahan pencuci bercampur Clorox dengan nisbah 1:9 setiap kali selepas perniagaan dijalankan.
4. MPS sekali lagi ingin memberi amaran kepada masyarakat agar mematuhi arahan Perintah Kawalan Pergerakan dan memastikan peraturan ketika berkunjung ke pasar-pasar awam terutama segi jarak sosial dan kebersihan dilaksanakan untuk memastikan wabak Covid 19 yang sedang melanda negara dapat dibendung.
5. Untuk sebarang pertanyaan ataupun aduan, orang ramai boleh menghubungi talian Bilik Gerakan Khas MPS yang akan beroperasi pada Isnin hingga Jumaat, Jam 8 pagi hingga 5 petang di hotline 03-61389898 atau talian bebas tol di 1800-222-677. Orang ramai juga boleh merujuk laman sosial MPS untuk sebarang pengumuman terkini berkaitan MPS.

#### Dikeluarkan Oleh:

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang

**6.15 PM  
28 Mac 2020**